

K-Ekonomi tonggak

Oleh Nazar Abdul

BH 13 MAR 2000

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru mengumumkan satu lagi rancangan strategik kerajaan untuk memperkenalkan Pelan Induk Ekonomi Berasaskan Pengetahuan atau Rancangan K-Ekonomi sebagai usaha meningkatkan pencapaian dan kemajuan Malaysia dalam alaf baru ini. Rangka rancangan ini sedang disiapkan dan dijangka selesai September ini dan akan dilaksanakan bulan berikutnya.

Menurut Dr Mahathir Malaysia perlu mempunyai Rancangan K-Ekonomi sebagai persiapan menghadapi ekonomi dunia yang lebih hebat dan mencabar dalam tahun 2000 ini. Pemilikan ekonomi berasaskan pengetahuan ini bukan terbatas kepada mana-mana pihak.

Itu adalah hak setiap individu. Pemilikan K-Ekonomi memberi kesan yang lebih hebat kepada setiap pemilikinya. Tanpa ilmu, ekonomi tidak dapat digerakkan. Menerusi K-Ekonomi, idea boleh dikembangkan hingga men-

jadi masyarakat pencipta. Rakyat Malaysia tidak boleh lagi menjadi pengikut dalam apa bidang sekali pun. Mereka seharusnya menjadi penggerak dengan menggbleng pengetahuan yang mereka miliki. Dalam K-Ekonomi, penghormatan akan diberikan kepada mereka yang mempunyai ilmu yang boleh menggerakkan ekonomi. Modal tidak boleh lagi dijadikan bahan utama dalam apa juga urusan dan perniagaan sekiranya tidak disertakan dengan pengetahuan. Inilah realiti dunia abad ini.

Malaysia sebagai sebuah negara membangun perlu berusaha memastikan negara menikmati pembangunan yang berterusan tanpa diganggu-gugat oleh perubahan pesat di negara lain khususnya di Barat. Pada masa akan datang Malaysia tidak boleh bergantung kepada kekuatan ekonomi yang berasaskan industri dan pengeluaran saja.

Kekuatan ekonomi dunia akan datang lebih bergantung kepada kemajuan

ANALISIS

dan penguasaan ilmu pengetahuan yang luas.

Bagaimanapun kejayaan pelaksanaan Rancangan K-Ekonomi ini banyak bergantung kepada penyertaan yang menyeluruh daripada semua lapisan rakyat. Lagi ramai rakyat yang memahami dan menghayati rancangan ini maka semakin cepat pula Malaysia mencapai kemajuan yang dihasratkan.

Sebagaimana yang ditegaskan Perdana Menteri, K-Ekonomi sangat penting bagi masa depan Malaysia kerana negara harus menghadapi cabaran lebih hebat berikutan proses globalisasi yang sedang berlaku di dunia sekarang. Malaysia tidak harus ketinggalan dalam hal ini dan perlu bersiap sedia menghadapinya.

Kekuatan politik, ekonomi dan sosial Malaysia banyak bergantung kepada pencapaian rakyat dan negara

masa depan Malaysia

dalam K-Ekonomi yang memerlukan penguasaan kukuh ilmu khususnya teknologi maklumat. Urusan dan kegiatan ekonomi dunia pada masa akan datang pastinya banyak menggunakan teknologi maklumat (IT) dan siapa yang menguasainya akan meraih kejayaan dan kekuatan.

Di samping maju dan berjaya di bidang industri dan pertanian, Malaysia perlu juga maju dan berjaya dalam bidang IT yang merangkumi pelbagai sektor pembangunan negara. Kejayaan kerajaan melaksanakan projek Koridor Raya Multimudia (MSC) adalah langkah positif ke arah mencapai matlamat K-Ekonomi.

Kerajaan terpaksa merangka Pelan Pembangunan K-Ekonomi dari sekarang dengan melibatkan rakyat pelbagai lapisan.

Ini bertujuan memastikan pelaksanaan Rancangan K-Ekonomi benar-benar berkesan dan memberi manfaat besar kepada rakyat dan negara. Kerajaan sedar masa depan negara akan

terjejas jika Malaysia ketinggalan dalam kemajuan K-Ekonomi yang semakin dikuasai oleh negara maju.

Bagaimanapun jika kerajaan saja yang memberi tumpuan kepada masalah ini, kejayaan sukar dicapai. Seluruh rakyat perlu komited dan bertanggungjawab untuk sama-sama memajukan K-Ekonomi Malaysia supaya ia benar-benar utuh dan cemerlang. Untuk menikmati masa depan yang cerah, kekuatan K-Ekonomi adalah satu-satunya usaha berkesan yang dapat menjamin kesenimbangan kemajuan dan kesejahteraan negara ini.

Kerajaan boleh menyediakan pelbagai infrastruktur dan kemudahan yang diperlukan seperti yang ada di bandar baru Putrajaya dan Cyberjaya untuk menjayakan K-Ekonomi tetapi apa yang lebih penting ialah penyertaan rakyat daripada semua lapisan untuk menguasai pelbagai ilmu, kemahiran dan kecakapan dalam melaksanakan kegiatan K-Ekonomi supaya dapat menghasilkan kejayaan yang diharapkan.

Setiap rakyat perlu berusaha meningkatkan pencapaian mereka di bidang ilmu termasuk penguasaan beberapa bahasa utama dunia. Mereka seharusnya berusaha dari sekarang untuk maju dan melengkap diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan terutama IT. Negara perlu membuat pelaburan dalam rakyatnya dengan membekalkan ilmu pengetahuan dan mahiran yang tinggi. Selari dengan usaha ini kerajaan kini turut memberi tumpuan kepada bidang pendidikan supaya dapat melahirkan ramai rakyat yang terpelajar dan berilmu untuk memajukan negara.

Rancangan memajukan K-Ekonomi akan diperkukuhkan lagi dengan memanggil pulang rakyat Malaysia cemerlang di luar negara untuk membantu meningkatkan pencapaian dan kejayaan K-Ekonomi. Penggembengan tenaga dari pelbagai peringkat penting untuk mewujudkan satu kuasa penggerak yang kental dan jitu bagi memastikan kejayaan yang diharapkan.